Sonia Goerger dan Élodie Garcia



Marie, Si Tikus Kecil

ANAK-ANAK GENETIK

Sonia Goerger dan Élodie Garcia

Marie, Si Tikus Kecil

ANAK-ANAK GENETIK

FONDATION IPSEN
BookLab



Pada suatu pagi musim luruh yang indah, seekor anak tikus dilahirkan di Klinik Bayi Tikus.

Namanya Marie.

Marie sangat comel.

Walau bagaimanapun, badannya jauh lebih kecil daripada anak-anak tikus yang lain.

Beberapa tahun berlalu,

Marie mula bersekolah. Dia suka belajar dan sangat rajin. Namun begitu, tubuhnya masih jauh lebih kecil daripada rakan-rakan seusianya.

Ini kerana Marie dilahirkan dengan sejenis penyakit yang menyebabkan badannya tidak dapat membesar secara normal.





Suatu pagi Ibu dan Ayah Tikus ternampak Marie sedang menangis di dalam biliknya. Air mata mengalir di pipinya. "Saya tidak mahu pergi ke sekolah lagi," kata Marie sambil teresak-esak. "Kawan-kawan selalu mengejek saya sebab badan saya sangat kecil."

Ibu Tikus berasa sedih. Anak-anak di sekolah sealu mengejek kerana Marie berbeza. Ibu Tikus memeluk Marie dengan erat dan dengan lembut berkata:

"Marie, dengar kata-kata ibu ini baik-baik. Kamu cantik, kuat dan bijak. Walau sekecil mana pun badan kamu, kamu akan membesar dan melakukan banyak perkara yang hebat !

Jangan biarkan sesiapa pun membuat kamu percaya yang kamu sebaliknya".





Ibu dan Ayah Tikus sentiasa tahu kata-kata yang terbaik untuk menenangkan Marie. Marie berasa lebih lega dan mengesat air matanya.

Kemudian dia terus melangkah ke sekolah.

Hari itu, Marie berasa lebih berani dan kuat daripada sebelumnya

Semasa waktu rehat tengah hari, sekumpulan murid menjerit ke arah Marie,

"Wah! Makan sup saja? Patut makan makanan lain juga!".

Seorang murid yang memakai cermin mata hijau dengan muka berkerut mengejek,

"Eh, kamu nak terus jadi budak kecil ya?"



Kawan-kawan Marie tidak pernah mengambil kisah saiz Marie yang kecil. Mereka segera membela Marie.

Namun, Marie berasa ingin lari dan bersembunyi di dalam lubang tikus!

Tiba-tiba...Marie teringat kata-kata ibunya.

Seperti ada kuasa ajaib.

Kata-kata Ibu Tikus yang terngiang-ngiang membuatkan Marie tersenyum dan kembali bersemangat.

Marie berdiri dengan bangga dan yakin, sambil mengulangi kata-kata ibunya dengan kuat dan semua mendengar,


"Saya cantik, kuat dan bijak. Walau apa pun saiz saya, saya akan membesar dan melakukan banyak perkara yang hebat!"



Murid-murid yang mengejek Marie mula berasa malu dengan tingkah laku mereka. Kini mereka pula berasa sangat kecil. Begitu kecil, sehingga mereka berasa mahu menghilangkan diri ke dalam lubang tikus!

Beberapa tahun berlalu. Marie memperoleh keputusan yang cemerlang dalam pelajarannya selepas tamat persekolahan. Ibu dan Ayah Tikus sangat bangga akan kejayaannya. Kawan-kawannya juga sangat mengaguminya.





Marie kini telah menjadi seorang pakar genetik yang terkenal. Dia belajar untuk mendepani setiap cabaran dan kesukaran dalam cara yang positif.

Apabila menghadapi masalah dan pekerjaannya tidak berjalan seperti yang diharapkan, Marie akan mengulangi mantera ibunya. Kata-kata itu membuatkan Marie berasa kuat dan berani.

Pada suatu pagi musim bunga yang nyaman di Klinik Bayi Tikus. Lahirlah seekor anak tikus yang cantik.

Tetapi badannya jauh lebih kecil daripada bayi tikus yang lain.Marie memandang bayinya dengan penuh kasih sayang. Sambil mendodoikannya, dia berbisik.

"Kamu cantik, kuat dan bijak. Walau apa pun saiz kamu, kamu akan membesar dan melakukan banyak perkara yang hebat!"

Mari Berbincang!

Teruskan meneroka kisah ini bersama anak-anak. Soalan-soalan dimuka-surat berikutnya boleh digunakan untuk membimbing anda.





Pernahkah kamu melihat seseorang yang bertubuh rendah?

Pada pendapat kamu, apakah kelebihan menjadi seseorang yang bertubuh lebih rendah? Apakah pula kekurangannya?

Apakah pendapat kamu tentang sikap rakan-rakan sekelas Marie yang mengejeknya?

Apakah pendapat kamu tentang kata-kata yang sering diucapkan oleh Ibu Tikus kepadanya?

"Kamu cantik, kuat dan bijak. Walau apa pun saiz kamu,kamu akan membesar dan melakukan perkara-perkara yang hebat!"

Bagi kamu pula, apa yang kamu akan lakukan untuk membina semula keyakinan diri dan keberanian?

Mengenai Akondroplasia

Akondroplasia ialah bentuk tubuh rendah yang paling lazim berpunca daripada faktor genetik. Akondroplasia ialah penyakit genetik yang disebabkan oleh gangguan pada pertumbuhan tulang atau rawan tulang. Keadaan ini berlaku akibat mutasi pada gen FGFR3 yang terletak pada kromosom 4. Dalam kebanyakan kes, mutasi ini berlaku secara spontan semasa perkembangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, penyakit ini juga boleh diwarisi daripada salah seorang ibu bapa yang menghidap Akondroplasia.

Kadar kejadian Akondroplasia dianggarkan berlaku dalam 1 daripada setiap 25,000 kelahiran. Orang dewasa yang menghidap Akondroplasia biasanya mempunyai ketinggian sekitar 120–130 sentimeter bagi wanita dan 125–135 sentimeter bagi lelaki.

Mengenai Penulis

Sonia Goerger ialah seorang setiausaha perubatan yang telah bertahun-tahun menyambut dan berurusan dengan pesakit yang mempunyai penyakit genetik. Pengalaman inilah yang mendorong beliau menghasilkan siri buku Children of Genetics untuk kanak-kanak.

Buku-buku dalam siri ini mengetengahkan cabaran yang dihadapi oleh pesakit dalam kehidupan seharian menggunakan istilah yang mudah difahami dan watak-watak yang comel. Untuk menghidupkan cerita-cerita ini, Sonia Goerger bekerjasama dengan Christine Juif, seorang ahli psikologi klinikal yang membantu pesakit penyakit genetik dan keluarga mereka sepanjang proses diagnosis.

Mengenai Ilustrator

Selepas beberapa tahun bekerja sebagai pereka grafik, Élodie Garcia beralih kerjaya menjadi penulis dan ilustrator buku serta komik kanak-kanak. Melalui gaya lukisannya yang lembut dan halus, beliau mampu menyampaikan topik yang kadangkala sukar dengan cara yang mudah difahami. Dengan mengilustrasikan siri Children of Genetics, Élodie Garcia berharap dapat membantu keluarga yang terkesan oleh penyakit jarang jumpa.

Mengenai Persatuan ARGAD

Persatuan Penyelidikan Genetik dan Sokongan untuk Keluarga dan Profesional di Dijon-Burgundy (ARGAD dalam bahasa Perancis) merupakan Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan yang ditubuhkan pada September 2010 di bawah Undang-Undang Persatuan Perancis 1901.

Persatuan ini menyokong pembangunan FHU-TRANSLAD melalui pelbagai usaha, antaranya:

- Meningkatkan kadar penerimaan dan mutu penjagaan pesakit yang menghidap penyakit jarang jumpa di Burgundy, Perancis.
- Menyebarkan maklumat mengenai penyakit jarang jumpa melalui penganjuran program dan pertemuan khas.
- Membantu doktor dan profesional penjagaan kesihatan meningkatkan latihan serta pengetahuan mereka

dalam bidang penyakit genetik yang jarang jumpa.

- Menyokong penyelidikan klinikal dan biologi berkaitan genetik anomali perkembangan di Burgundy, Perancis.

Untuk menyokong ARGAD, layari: http://www.translad.org/

Mengenai Fondation Ipsen BookLab

Au service de l'intérêt général, œuvrant pour une société équitable, le Fondation Ipsen BookLab publie et distribue des livres gratuitement, notamment aux écoles et associations. Collaborations entre expertes et experts, artistes, auteures ou auteurs, et enfants, nos publications, pour tous les âges et en différentes langues, portent sur l'éducation et la sensibilisation aux questions de santé, de handicap et de maladies rares. Retrouvez l'intégralité de notre catalogue sous **https://www.fondation-ipsen.org/fr/book-lab**/.

Buku No.10.1

Nyatakan pendapat anda!

ISBN : 978-2-490660-68-1 (buku cetakan_versi Perancis)/ 978-2-490660-71-1 (ePub_versi Perancis)/
978-2-493373-92-2 (POD_versi Inggeris)/ 978-2-490660-74-2 (ePub_versi Inggeris)/
978-2-493373-95-3 (POD_versi Sepanyol)/ 978-2-490660-39-1 (ePub_versi Sepanyol)/
978-2-493373-98-4 (POD_versi Cina)/ 978-2-490660-47-6 (ePub_versi Cina)/
978-2-38427-001-9 (POD_versi Ukraine)/ 978-2-38427-004-0 (ePub_versi Ukraine)/
978-2-38427-395-9 (POD_versi Bahasa Melayu)/ 978-2-38427-396-6 (ePub_versi Bahasa Melayu)

© Fondation Ipsen, 2026
Fondation Ipsen berada di bawah naungan Fondation de France
www.fondation-ipsen.org

Teks: Sonia Goerger (dengan kerjasama Christine Juif)
Ilustrasi: Elodie Garcia
Penyuntingan saintifik: Association for Research in Genetics and Support for Families and Professionals in Dijon-Bourgogne (ARGAD - Association de Recherche en Génétique et d'Accompagnement des familles et professionnels de Dijon-Bourgogne)
Terjemahan: Nazia Nurliyana Ayob, Alina Ali & Syafiq Zulkarnain
Arah editorial: Céline Colombier-Maffre

Pertama kali diterbitkan di Perancis, pada Disember 2021
Teks asal: © Sonia Goerger, 2021
Penerbitan asal: © Fondation Ipsen, 2021

Akta No. 49-956 bertarikh 16 Julai 1949 mengenai penerbitan untuk golongan muda, yang telah dipinda oleh Akta No. 2011-525 pada 17 Mei 2011.
Deposit sah: Julai 2026

Penukaran ePub: www.primento.com

Tidak untuk dijual – buku percuma

Marie ialah seekor tikus yang sangat kecil, lebih kecil daripada tikus-tikus yang lain. Dia menghidap Akondroplasia, iaitu penyakit genetik yang menghalangnya daripada membesar secara normal. Adakah saiz badannya yang kecil akan menghalangnya daripada mencapai perkara-perkara yang hebat?



"Kanak-kanak berdepan dengan pelbagai cabaran dalam hidup mereka. Penyakit bukan mudah untuk dibicarakan. Buku-buku ini menjelaskan bahawa setiap anak mempunyai kekuatan, dan semangat mereka lebih hebat daripada mana-mana penyakit."

– **James A. Levine**
MD, PhD, Professor, Presiden, Fondation Ipsen
www.fondation-ipsen.org

FONDATION IPSEN
BookLab

Buku No.10.1

Nyatakan pendapat anda!

ISBN:
978-2-38427-269-3 (POD)
978-2-38427-270-9 (ePub)

Tidak untuk dijual – buku percuma